

# Lupus dadah RM8.59 juta



Hasanuddin membuang barang kes dadah ke dalam tong pada Majlis Pelupusan Barang Kes Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik di IPK Kedah semalam.

Babitkan 1,887 kertas siasatan telah selesai dalam tempoh lima tahun sejak 2013

Oleh **NURUL HIDAYAH HAMID**

## ALOR SETAR

**P**olis Kedah melupuskan pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai lebih RM8.59 juta semalam bagi tempoh enam tahun antara 2013 hingga 2018.

Ketua Polis Kedah, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, kesemua barangan kes dadah dimusnahkan itu membabitkan 1,887 kertas siasatan yang telah selesai dan jatuh hukum di mahkamah.

Menurutnya, kesemua barang kes diserahkan kepada Syarikat Kualiti Alam Sdn Bhd yang merupakan salah satu syarikat berdaftar di bawah Jabatan Alam Sekitar untuk dilupuskan.

“Pelupusan berkenaan melibatkan dadah jenis heroin seberat 5.71 kilogram (kg), syabu (2.16kg), ganja (0.67kg), ketamin (0.04kg), daun ketum (3,223.15kg), kodein (18.98 liter) dan cecair ketum

(542,751 liter).

“Turut dilupuskan sebanyak 1,549 biji pil ekstasi, pil kuda, yaba dan eramin 5,” katanya ketika ditemui pada Majlis Pelupusan Barang Kes Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kedah di sini semalam.

Turut hadir Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kedah, Asisten Komisioner Mohd Zaki Ashar.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya telah merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM1.81 juta dalam tempoh Januari hingga Ogos tahun ini.

“Dalam tempoh itu, kita merampas 64.55kg dadah jenis heroin, syabu (35.14kg), ganja (1.42kg), kafein (126.03kg), ketamin (0.13kg) dan daun ketum (14,628.04 kg).

“Kita turut merampas ubat batuk (157.58 liter) dan cecair ketum (2,131.96 liter), 5,664 biji pil ekstasi, yaba, eramin 5 dan empat batang pokok ganja,” katanya.

Beliau berkata, seramai 6,879 individu telah ditahan dalam tempoh sama membabitkan pelbagai kesalahan termasuk melibatkan Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.